

**Semakin Maju Negara, Semakin Tinggi Nilai Budayanya - Rais
Bernama
13 April , 2012**

SEREMBAN, 13 April (Bernama) -- Sebagai sebuah negara yang sedang melangkah ke arah status negara maju, adalah amat perlu bagi Malaysia untuk mempunyai rakyat yang mengamalkan ciri-ciri kebudayaan yang tinggi, kata Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Justeru, beliau berkata kementerian akan merancang semula kempen nilai-nilai murni bagi menerapkan amalan seperti berbudi bahasa, menghormati orang tua dan sentiasa memberi senyuman dalam masyarakat.

"Kita perlu menggunakan kempen ini sebagai sebahagian daripada amalan dalam kehidupan kita kerana sebagai sebuah negara yang maju kita seharusnya semakin berbudaya," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan Anugerah Pelajar Cemerlang Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) 2011, kepada pelajar-pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Negeri Sembilan di Sungai Gadut, di sini Jumaat.

Rais berkata walaupun kempen nilai murni pernah dilaksanakan sebelum ini, adalah amat perlu ia dirancarkan semula bagi memastikan masyarakat terus diterapkan dengan amalan murni itu.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=658984>